

Sinar Harian 20/4/2019 m/s 38  
**3,913 penyu mendarat tahun lalu**

**KERTEH** - Sebanyak 3,913 ekor penyu direkodkan mendarat untuk bertelur di pantai negeri ini sepanjang tahun lalu dan jumlah itu dijangka meningkat tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, penyu spesies agar mencatatkan pendaratan tertinggi iaitu sebanyak 3,890 ekor manakala hanya 246 pendaratan penyu karah direkodkan.

Menurutnya, keseluruhan pendaratan penyu agar menghasilkan sebanyak 324,515 biji telur sementara 23 pendaratan penyu karah menghasilkan 2,894 biji telur.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 374,322 telur dieramkan sepanjang tahun lalu hanya 254,237 anak ditetaskan.

"Selain itu, Jabatan Perikanan Negeri Terengganu JPNT turut merekodkan pendaratan 245 tuntung laut yang menghasilkan 2,575 telur dan sebanyak 1,864 anak berjaya ditetaskan," katanya selepas Program Pendidikan dan Kesedaran A w a m (Gotong-Royong Member-



**Azman (tengah) menyampaikan hadiah kepada peserta Program Pendidikan dan Kesedaran Awam di Pantai Santuari Penyu Ma' Daerah, Kerteh.**

sih Pantai) di Pantai Santuari Penyu Ma' Daerah, di sini.

Turut hadir ADUN Kemasik, Ir Saiful Azmi Suhaili dan Pengarah Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali.

Azman berkata, penyu spesies belimbing dan lipas tiada sebarang pendaratan pada tahun lepas.

Bagaimanapun katanya, kerajaan negeri menjangkakan pendaratan penyu agar sepanjang tahun ini meningkat melebihi 9,000 pendaratan berdasarkan trend pendaratan tiga tahun sekali spesies itu.

Sementara itu, menurutnya, gotong-royong disertai 550 pelajar dan kaki-

tangan dari pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta syarikat petrokimia sekitar kawasan itu berjaya memungut sebanyak 365 kilogram sampah sarap hanyut yang naik ke pantai berkenaan.

"Kita dapati banyak sampah sarap seperti straw, bekas plastik makanan dan minuman, peralatan perikanan, puntung rokok dan sebagainya hanyut ke daratan.

"Berikutan itu, kita minta pengunjung pantai dan nelayan di negeri ini peka dengan aspek kebersihan dengan tidak buang sampah kerana ia boleh menjadi penyebab kematian penyu," katanya.